

MAKLUMBALAS LAPORAN AKHBAR SINAR HARIAN

"NAIK TARAF JALAN BELUM SELESAI"

12 OGOS 2015

Kementerian Kerja Raya (KKR) merujuk kepada laporan akhbar Sinar Harian bertajuk **"Naik Taraf Jalan Belum Selesai"** bertarikh 12 Ogos 2015 yang lalu. Hasil laporan Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Kuala Langat, projek tersebut kini sedang dipantau rapi pelaksanaan kemajuan kerja di tapak oleh Kontraktor Utama.

Walaupun bagaimanapun masih lagi terdapat kelewatan yang berlaku dalam menyiapkan projek tersebut. JKR Daerah Kuala Langat telah mengeluarkan surat amaran kepada Kontraktor Utama pada 17 Ogos 2014 dan 11 Ogos 2015 di atas kelewatan kerja-kerja di tapak. Untuk makluman tarikh siap semasa adalah pada 3 September 2015 (setelah pemberian lanjutan masa kali kedua). Kelewatan tersebut mengambilkira beberapa faktor teknikal seperti isu pengalihan struktur bangunan dan rumah ibadat yang berada dalam rizab jalan yang mengambil masa selama 2 bulan untuk diselesaikan. Disebabkan kerja-kerja pengalihan tersebut, berlaku sedikit gangguan dalam perancangan asal.

Sebagai pelan mitigasi, JKR Daerah Kuala Langat bersama pihak kontraktor telah menyediakan Pelan Pengurusan Trafik (TMP) dibuat dengan sempurna dan dilaksanakan mengikut skop kontrak. Walaupun bagaimanapun masalah vandalisme yang berlaku di kawasan TMP yang telah disediakan oleh Kontraktor Utama sedikit sebanyak mengganggu perlatan TMP seterusnya memberi kesan kepada aliran trafik di kawasan berkenaan. Pihak kontraktor terpaksa mengganti dan membaiki TMP tersebut berulang kali dan kerja-kerja penggantian ini mengambil masa untuk disediakan menyebabkan berlaku kesakan lalu lintas berlaku dalam tempoh tersebut.

JKR Daerah Kuala Langat memohon kepada semua pihak supaya tidak melakukan vandalisme terhadap TMP bagi memastikan semua pengguna jalan raya dapat mengikut arahan TMP seterusnya memberi kelancaran trafik di kawasan berkenaan.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KERJA RAYA**